



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 66
Bil. 7

28hb Mac 2013

*TAMBAHAN No. 6
PERUNDANGAN*

Pk. P.U. 10.

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004

**PERATURAN-PERATURAN PENGAWASAN PENGAJARAN
DAN SYARAHAN AGAMA 2013**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

TAULIAH MENGAJAR

3. Permohonan untuk mendapatkan Tauliah Mengajar
4. Permohonan Tauliah Mengajar daripada bukan warganegara
5. Tatacara mengendalikan permohonan
6. Tauliah Mengajar

Peraturan

7. Daftar Tauliah Mengajar
8. Arahan Majlis
9. Pematuhan Syarat dan arahan
10. Tauliah Mengajar boleh ditarik balik

**BAHAGIAN III
SYARAHAN AGAMA**

11. Penganjur syarahan agama
12. Kesalahan melanggar syarat oleh penganjur
13. Kesalahan tidak memberitahu mengenai perubahan maklumat
14. Kesalahan menganjurkan syarahan agama tanpa kebenaran
15. Daftar kebenaran menganjur syarahan agama
16. Pembatalan kebenaran menganjur syarahan agama
17. Memberi syarahan agama
18. Kesalahan melanggar syarat oleh penceramah
19. Kesalahan memberi syarahan agama tanpa kebenaran
20. Daftar kebenaran memberi syarahan agama
21. Pembatalan kebenaran memberi syarahan
22. Penceramah bukan warganegara

**BAHAGIAN IV
AM**

23. Pengecualian
24. Tauliah Pihak Berkuasa Agama negeri lain
25. Anggapan
26. Pemansuhan dan kecualian

JADUAL

ENAKMEN PENTADBIRAN AGAMA ISLAM (PERAK) 2004**PERATURAN-PERATURAN PENGAWASAN PENGAJARAN
DAN SYARAHAN AGAMA 2013**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 107 dan seksyen 111 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*], Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I**PERMULAAN****Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini boleh dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013**.

(2) Peraturan-peraturan ini mula berkuat kuasa pada tarikh ianya disiarkan dalam *Warta*.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Anggota Majlis” ertinya anggota Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak;

“Enakmen” ertinya Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 [*Enakmen Bil. 4 tahun 2004*];

“Jawatankuasa” ertinya Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam yang dilantik di bawah seksyen 107 Enakmen;

“Majlis” ertinya Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak yang ditubuhkan di bawah subseksyen 4(1) Enakmen;

“Mengajar” ertinya menyampaikan pengajaran agama Islam kepada orang Islam sama ada secara lisan, bertulis atau dengan isyarat;

“Mufti” ertinya Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan yang dilantik di bawah seksyen 33 Enakmen;

“Pegawai Agama” ertinya Pegawai, Penolong Pegawai atau Pembantu Hal Ehwal Islam dan Pegawai, Penolong Pegawai atau Pembantu Syariah dalam perkhidmatan awam tanpa mengira gred jawatan;

“Pegawai Tadbir Agama” ertinya mana-mana Pegawai Hal Ehwal Islam yang dilantik bagi daerah-daerah di Negeri Perak Darul Ridzuan;

“Penceramah” ertinya mana-mana orang yang diberi kebenaran untuk memberi syarahan agama di bawah peraturan 17;

“Syarahan agama” termasuk ceramah, seminar, diskusi, forum, bengkel, simposium, kursus dengan apa jua cara penyampaian; dan

“Tauliah Mengajar” ertinya suatu tauliah untuk mengajar agama yang dikeluarkan di bawah peraturan 6.

BAHAGIAN II
TAULIAH MENGAJAR

Permohonan untuk mendapatkan Tauliah Mengajar

3. (1) Permohonan untuk mendapatkan Tauliah Mengajar hendaklah dibuat kepada Pengerusi Jawatankuasa dalam Borang TM I dalam Jadual.

(2) Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen yang berikut bersama dengan borang permohonannya:

- (a) salinan dokumen kelulusan atau surat pengesahan kelayakannya;
- (b) surat tawaran daripada penganjur untuk mengajar agama;
- (c) tiga keping gambar berukuran pasport.

Permohonan Tauliah Mengajar daripada bukan warganegara

4. Sebagai tambahan kepada dokumen yang disebut dalam subperaturan 3(2), seseorang bukan warganegara yang ingin mendapatkan Tauliah Mengajar hendaklah mengemukakan dokumen yang berikut bersama dengan borang permohonannya:

- (a) salinan pasportnya;
- (b) salinan visanya, jika terpakai; dan
- (c) salinan pas profesionalnya.

Tatacara mengendalikan permohonan

5. (1) Pengerusi Jawatankuasa, setelah diterima permohonan di bawah peraturan 3, hendaklah merujuk permohonan itu kepada Jawatankuasa.

(2) Jawatankuasa, dalam menimbangkan permohonan itu, hendaklah mengambil kira perkara-perkara yang berikut:

- (a) umur pemohon;
- (b) kelayakan akademik pemohon;
- (c) pengalaman mengajar pemohon; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang difikirkan wajar oleh Jawatankuasa.

(3) Jawatankuasa, setelah menimbangkan permohonan itu boleh, mengikut budi bicaranya, menolak mana-mana pemohon yang difikirkannya tidak layak.

(4) Jika, Jawatankuasa berpendapat bahawa seseorang pemohon layak untuk dipertimbangkan, maka Jawatankuasa hendaklah memanggil pemohon itu untuk ujian lisan atau bertulis atau kedua-duanya.

(5) Setelah ujian dijalankan, Jawatankuasa hendaklah memaklumkan keputusannya kepada pemohon.

Tauliah Mengajar

6. (1) Tauliah Mengajar yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini hendaklah dalam Borang TM II dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada fi yang ditetapkan oleh Majlis.

(2) Duli Yang Maha Mulia Sultan boleh, atas syor Jawatankuasa mengenakan apa-apa syarat berkenaan dengan sesuatu Tauliah Mengajar yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(3) Tempoh sah sesuatu Tauliah Mengajar berkenaan dengan seseorang bukan warganegara tidak boleh melebihi tempoh sah pas profesionalnya.

Daftar Tauliah Mengajar

7. (1) Jawatankuasa hendaklah menyenggarakan suatu Daftar Tauliah Mengajar bagi Negeri Perak Darul Ridzuan.

(2) Daftar itu hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

(a) nama orang yang diberi Tauliah Mengajar;

(b) nombor kad pengenalan/pasportnya;

(c) kelayakannya;

(d) alamat surat-menyuratnya;

(e) alamat kediamannya;

(f) tarikh Tauliah Mengajarnya dikeluarkan; dan

(g) apa-apa butir lain yang ditentukan oleh Jawatankuasa dari semasa ke semasa lain.

(3) Sekiranya terdapat apa-apa perubahan mengenai butir dalam Daftar itu, orang yang telah diberi Tauliah Mengajar itu hendaklah, dalam masa empat belas hari dari tarikh perubahan itu berlaku, memberitahu Jawatankuasa mengenai perubahan itu dan perubahan itu hendaklah dicatatkan dalam Daftar.

(4) Mana-mana orang boleh memeriksa Daftar Tauliah Mengajar secara percuma.

Arahan Majlis

8. Majlis boleh, dari semasa ke semasa melalui Jawatankuasa, mengeluarkan apa-apa arahan kepada mana-mana pemegang Tauliah Mengajar.

Pematuhan syarat dan arahan

9. (1) Seseorang yang diberi Tauliah Mengajar hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Jawatankuasa dan apa-apa arahan Majlis yang dibuat di bawah peraturan 8.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperaturan (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Tauliah Mengajar boleh ditarik balik

10. (1) Sesuatu Tauliah Mengajar boleh ditarik balik apabila pemegangnya—

- (a) adalah dan telah didapati atau diisytiharkan tidak sempurna akal;
- (b) cuai dalam menjalankan kewajibannya sebagai pengajar;
- (c) berkelakuan yang tidak sesuai dengan ajaran Islam;
- (d) telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah oleh suatu Mahkamah;
- (e) membuat apa-apa pernyataan awam sama ada secara lisan atau bertulis yang boleh ditafsirkan dengan semunasabahnya sebagai menghina Agama Islam atau mencemarkan Majlis; atau
- (f) melanggar apa-apa syarat Tauliah Mengajar atau apa-apa arahan Majlis.

(2) Pemegang Tauliah Mengajar yang Tauliahnya telah ditarik balik hendaklah menyerahkan Tauliahnya itu kepada Jawatankuasa dengan sertamerta atau dalam masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa dan jika dia tidak berbuat demikian dia melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

(3) Setiap penarikbalikan Tauliah Mengajar hendaklah direkodkan dalam Daftar.

BAHAGIAN III**SYARAHAN AGAMA****Penganjur syarahan agama**

11. (1) Seseorang yang hendak menjadi penganjur syarahan agama di Negeri Perak Darul Ridzuan hendaklah memohon untuk mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Tadbir Agama di mana syarahan agama itu hendak dianjurkan.

(2) Permohonan itu hendaklah dibuat dalam Borang SI dalam Jadual dan dikemukakan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh syarahan itu.

(3) Dalam menimbangkan sesuatu permohonan di bawah peraturan ini, Pegawai Tadbir Agama hendaklah merujuk kepada dan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Mufti.

(4) Jika terdapat keraguan dalam menimbangkan sesuatu permohonan, Pegawai Tadbir Agama hendaklah merujuk kepada Mufti dan apa-apa arahan Mufti hendaklah dipatuhi.

(5) Tertakluk kepada subperaturan (4), Pegawai Tadbir Agama boleh menolak sesuatu permohonan tanpa memberikan apa-apa alasan.

(6) Kebenaran bertulis Pegawai Tadbir Agama hendaklah dalam Borang SII dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada fi yang ditetapkan oleh Majlis.

(7) Pegawai Tadbir Agama boleh mengenakan apa-apa syarat berkenaan dengan kebenaran untuk menganjurkan syarahan agama di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(8) Orang yang mendapat kebenaran untuk menganjurkan syarahan agama hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Pegawai Tadbir Agama dan jika mana-mana syarat itu tidak dipatuhi, maka Pegawai Tadbir Agama hendaklah membatalkan kebenaran yang telah diberikan.

(9) Penganjur hendaklah memberitahu Pegawai Tadbir Agama mengenai apa-apa perubahan maklumat yang terdapat dalam borang permohonan dan Pegawai Tadbir Agama boleh membatalkan kebenaran yang telah dikeluarkan mengikut budi bicaranya.

Kesalahan melanggar syarat oleh penganjur

12. Mana-mana penganjur yang melanggar apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pegawai Tadbir Agama melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan tidak memberitahu mengenai perubahan maklumat

13. Mana-mana penganjur yang tidak memberitahu Pegawai Tadbir Agama mengenai apa-apa perubahan maklumat dalam borang permohonan melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ratus ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan menganjurkan syarahan agama tanpa kebenaran

14. Mana-mana orang yang menganjurkan syarahan agama tanpa kebenaran Pegawai Tadbir Agama melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Daftar kebenaran menganjur syarahan agama

15. (1) Pegawai Tadbir Agama hendaklah menyenggarakan suatu daftar kebenaran menganjur syarahan agama yang hendaklah mengandungi maklumat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(2) Satu salinan setiap kebenaran menganjur syarahan agama hendaklah dihantar kepada Mufti.

Pembatalan kebenaran menganjur syarahan agama

16. Pegawai Tadbir Agama boleh membatalkan sesuatu kebenaran menganjur atas apa-apa alasan yang difikirkannya wajar.

Memberi syarahan agama

17. (1) Seseorang yang hendak memberi syarahan agama di Negeri Perak Darul Ridzuan hendaklah memohon untuk mendapat kebenaran bertulis daripada Pegawai Tadbir Agama di mana syarahan agama itu hendak diberikan.

(2) Permohonan itu hendaklah dibuat dalam Borang SI dalam Jadual dan dikemukakan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh syarahan.

(3) Pemohon hendaklah mengemukakan tiga keping gambar berukuran pasport serta salinan dokumen kelulusan atau surat pengesahan kelayakannya.

(4) Dalam menimbangkan sesuatu permohonan di bawah peraturan ini, Pegawai Tadbir Agama hendaklah merujuk kepada dan mematuhi garis panduan yang dikeluarkan oleh Mufti.

(5) Jika terdapat keraguan dalam menimbangkan sesuatu permohonan, Pegawai Tadbir Agama hendaklah merujuk kepada Mufti dan apa-apa arahan Mufti hendaklah dipatuhi.

(6) Tertakluk kepada subperaturan (5), Pegawai Tadbir Agama boleh menolak sesuatu permohonan tanpa memberikan apa-apa alasan.

(7) Kebenaran bertulis Pegawai Tadbir Agama hendaklah dalam Borang SII dalam Jadual dan adalah tertakluk kepada fi yang ditetapkan oleh Majlis.

(8) Pegawai Tadbir Agama boleh mengenakan apa-apa syarat berkenaan dengan kebenaran untuk memberi syarahan agama di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(9) Seseorang yang mendapat kebenaran untuk memberi syarahan agama hendaklah mematuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh Pegawai Tadbir Agama dan jika mana-mana syarat itu tidak dipatuhi, maka Pegawai Tadbir Agama hendaklah membatalkan kebenaran yang telah diberikan.

Kesalahan melanggar syarat oleh penceramah

18. Mana-mana penceramah yang melanggar apa-apa syarat yang dikenakan oleh Pegawai Tadbir Agama melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Kesalahan memberi syarahan agama tanpa kebenaran

19. Mana-mana penceramah yang memberi syarahan agama tanpa kebenaran Pegawai Tadbir Agama melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Daftar Kebenaran Memberi Syarahan Agama

20. (1) Pegawai Tadbir Agama hendaklah menyenggarakan suatu daftar kebenaran memberi syarahan agama yang hendaklah mengandungi maklumat yang ditetapkan oleh Jawatankuasa.

(2) Satu salinan setiap kebenaran memberi syarahan agama hendaklah dihantar kepada Mufti.

Pembatalan kebenaran memberi syarahan

21. Pegawai Tadbir Agama boleh membatalkan sesuatu kebenaran memberi syarahan agama atas apa-apa alasan yang difikirkannya wajar.

Penceramah bukan warganegara

22. Sebagai tambahan kepada dokumen yang disebut dalam peraturan 17, seseorang bukan warganegara yang ingin mendapatkan kebenaran memberi syarahan agama hendaklah mengemukakan dokumen yang berikut bersama dengan borang permohonannya:

- (a) salinan pasport;
- (b) salinan visanya, jika terpakai; dan
- (c) salinan pas profesionalnya.

BAHAGIAN IV**AM****Pengecualian**

23. (1) Peraturan-Peraturan ini tidak terpakai bagi—

- (a) anggota Majlis;
- (b) Mufti mana-mana Negeri di Malaysia;
- (c) Pegawai Agama;
- (d) guru agama yang dilantik oleh Kerajaan Negeri atau Persekutuan yang mengajar atau memberi syarahan kepada pelajar sekolah atau institusi di mana dia ditugaskan;
- (e) mana-mana orang yang pada pendapat Majlis mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian.

(2) Majlis boleh, pada bila-bila masa, menarik balik pengecualian yang diberikan di bawah subperaturan (1) tanpa memberikan alasan dan penarikbalikan itu hendaklah diberitahu kepada orang yang berkenaan.

(3) Peraturan 17 tidak terpakai bagi penceramah yang dijemput oleh mana-mana pihak yang disebut di bawah subperaturan (1) dan bagi mana-mana orang yang telah diberi Tauliah Mengajar di bawah peraturan 6.

Tauliah Pihak Berkuasa Agama negeri lain

24. (1) Mana-mana orang yang telah diberi Tauliah Mengajar oleh Pihak Berkuasa Agama mana-mana negeri di Malaysia, boleh memohon kepada Majlis untuk pengecualian daripada peruntukan peraturan 3 dan 5.

(2) Majlis boleh mengenakan syarat-syarat kepada pemohon yang diberi pengecualian di bawah subperaturan (1).

(3) Majlis boleh, pada bila-bila masa, menarik balik pengecualian yang diberikan tanpa memberikan alasan dan penarikbalikan itu hendaklah diberitahu kepada orang yang berkenaan.

(4) Sesuatu pengecualian hendaklah terbatal apabila Pihak Berkuasa Agama Negeri yang mengeluarkan sesuatu tauliah telah membatalkan tauliah tersebut.

Anggapan

25. (1) Mana-mana orang yang memiliki atau mempunyai kawalan ke atas premis di mana suatu syarahan agama diadakan hendaklah dianggap sebagai penganjur.

(2) Bagi premis yang dimiliki atau berada dalam kawasan sesuatu persatuan atau badan, walau dengan apa juga nama ia dikenali, setiap anggota jawatankuasa persatuan atau badan itu hendaklah dianggap sebagai penganjur kecuali dia dapat membuktikan bahawa dia telah mengambil langkah-langkah yang wajar untuk menghalang sesuatu kesalahan dilakukan di bawah Peraturan-Peraturan ini.

Pemansuhan dan kecualian

26. Peraturan-Peraturan Mengajar Ugama, 1966 [PK.PU. 49/66] dimansuhkan dengan syarat bahawa mana-mana tauliah yang telah dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan itu sebelum permulaan kuat kuasa Peraturan-Peraturan ini hendaklah dianggap telah dibuat di bawah Peraturan-Peraturan ini.

JADUAL

PERATURAN-PERATURAN PENGAWASAN PENGAJARAN
DAN SYARAHAN AGAMA 2013

BORANG TM I

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
PERMOHONAN TAULIAH MENGAJAR

[peraturan 3]

Kepada
Pengerusi Jawatankuasa Pengawasan Pengajaran Agama Islam
Negeri Perak Darul Ridzuan
Tkt. 5, Kompleks Islam
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30000 Ipoh

Dengan hormatnya saya memohon *Tauliah Mengajar* di Negeri Perak dan butir-butir diri saya adalah seperti yang berikut:

Nama Penuh :

No. Kad Pengenalan :

* No. Pasport dan tamat tempoh :

* No. Visa dan tamat tempoh :

* No. Pas Profesional dan tamat tempoh :

Alamat :

No. Tel. :

Tarikh Lahir :

Tempat dilahirkan :

Kelulusan/Tempat

Mempelajari ilmu/

Nama Guru :

Ilmu/Bidang yang dipelajari :
Ijazah/Kelulusan/
Sijil/Syahadah/

Surat Akuan :

Ilmu/Bidang yang hendak diajar :

Tempat yang dicadangkan untuk mengajar :

Pengalaman :

Saya dengan ini mengaku bahawa segala keterangan yang tersebut di atas adalah benar.

Tandatangan Pemohon : Tarikh :

* Untuk diisi oleh pemohon bukan warganegara.

Ulasan Pegawai Tadbir Agama Daerah :

Tandatangan : Tarikh :

Untuk Kegunaan Pejabat:

Borang permohonan diterima pada

Permohonan diterima/ditolak (alasan jika ada) :

.....
.....
.....

Ujian bertulis/lisan pada

Tempat :

Keputusan : LULUS / GAGAL

PERATURAN-PERATURAN PENGAWASAN PENGAJARAN
DAN SYARAHAN AGAMA 2013

BORANG TM II

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
TAULIAH MENGAJAR AGAMA

[peraturan 6]

Bahawasanya Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak dengan ini mengurniakan
Tauliah ini kepada

No. Kad Pengenalan/No. Pasport beralamat

.....
.....

untuk mengajar Agama Islam di Negeri Perak Darul Ridzuan.

Mudah-mudahan Allah memberi taufiq dan hidayah kepada anda bagi meninggikan
syiar Islam di negeri ini. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

Tarikh :

Bersamaan :

Yang Dipertua,
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu
Perak Darul Ridzuan

PERATURAN-PERATURAN PENGAWASAN PENGAJARAN
DAN SYARAHAN AGAMA 2013

BORANG S I

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
PERMOHONAN KEBENARAN UNTUK MENGANJURKAN
DAN MEMBERI SYARAHAN AGAMA

[peraturan 11 dan 17]

Pegawai Tadbir Agama,

Daerah

Tuan,

Saya/Kami memohon kebenaran untuk menganjurkan/memberi suatu syarahan agama dan keterangan berkenaannya adalah seperti yang berikut:

1. *Nama Penganjur :
 2. Nama Pegawai yang bertanggungjawab :
 3. Alamat :
 4. Tempat Syarahan :
 5. Tajuk Syarahan :
 6. Tujuan Syarahan :
 7. Tarikh Syarahan :
 8. Maklumat Penceramah :
 - i. Nama :
 - ii. Alamat & No. K/P :
- **No. Pasport dan tamat tempoh :

**No. Visa dan tamat tempoh :

**No. Pas Profesional dan tamat tempoh :

iii. Kelulusan :

iv. Pekerjaan :

v. Pengalaman :

Sesungguhnya saya berikrar dan mengaku bahawa saya akan bertanggungjawab mematuhi Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 dan Peraturan-Peraturan Pengawasan Pengajaran dan Syarahan Agama 2013 dan mengawal majlis itu supaya berjalan dengan aman dan sesuai dengan kehendak Agama Islam.

Tarikh :

Tandatangan Pemohon (Penganjur)
dan cop rasmi

.....
Tandatangan Pemohon (Penceramah)

.....

* Sekiranya penganjur ialah suatu pertubuhan atau badan, maka selain nama pertubuhan atau badan tersebut hendaklah juga dinamakan pegawai yang bertanggungjawab bagi pertubuhan atau badan dan beliau hendaklah menandatangani sebagai pemohon (penganjur).

**Untuk diisi oleh pemohon bukan warganegara.

PERATURAN-PERATURAN PENGAWASAN PENGAJARAN
DAN SYARAHAN AGAMA 2013

BORANG S II

MAJLIS AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK
KEBENARAN UNTUK MENGANJURKAN ATAU MEMBERI
SYARAHAN AGAMA
[peraturan 11 dan 17]

1. Bahawa

(Nama)

No. Kad Pengenalan

Alamat

.....

.....

diberi kebenaran untuk menganjurkan/memberi syarahan agama pada/mulai

..... hari bulan tahun hingga

hari bulan tahun pukul hingga pukul

2. Penceramah ialah :

Nama :

Alamat :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Tempat bertugas :

Tauliah atau perakuan lain (jika ada) :

.....

.....

Semoga tuan/puan dapat menjalankan tugas dengan baik bersesuaian dengan tuntutan ajaran agama Islam.

Tarikh :

Pegawai Tadbir Agama

Daerah

.....

Dibuat 14 Disember 2012

[MAIAMP(BP) A603/666/1 Jld. 2; PU.PK. 17/2007]

Dengan Titah Perintah Duli Yang Maha Mulia,

DATO' SERI DIRAJA DR. ZAMBRY BIN ABDUL KADIR

Menteri Besar
Perak Darul Ridzuan

